

12/05/2003

Beri sokongan kepada Liga Super

Raja Ahmad Zainuddin

MENTERI Besar Perak, Datuk Seri Diraja Mohd Tajol Rosli Ghazali berpendapat calon yang akan turun dalam pilihan raya samalah seperti seorang pemain bola sepak yang dipilih dalam sesebuah pasukan.

Jika pemain bola sepak Liga Malaysia ditentukan oleh pengurus selepas mendapat nasihat jurulatih, calon pilihan raya juga ditentukan pengurus iaitu kalau di peringkat negeri, beliau sendiri selaku ketua perhubungan dan di peringkat pusat, presiden parti seperti mana yang dilakukan oleh pasukan kebangsaan.

Oleh itu mana-mana calon tidak ubah seperti pemain yang juga boleh digantikan pada bila-bila masa, katanya semasa berucap di perjumpaan bersama pemimpin Umno Kelantan di Kota Bharu baru-baru ini yang turut dihadiri Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara, Datuk Mustapha Mohamed dan Pengerusi Tenaga Nasional, Datuk Dr Awang Adek Hussin.

Datuk Seri Tajol Rosli selanjutnya menegaskan jika ada pemain baru yang dimasukkan, pemain yang keluar wajarlah juga memberi sokongan untuk menjamin kemenangan pasukan.

Adalah tidak bijak jika adal di antara mereka yang dikeluarkan kemudian memberi alasan kepada penyokong yang pasukan mereka kalah kerana mereka tidak bermain.

Datuk Seri Tajol Rosli walaupun bukan seorang jurulatih atau pengurus mana-mana pasukan bola sepak tempatan pada ketika ini, ternyata adalah seorang pemimpin yang sentiasa memberikan perhatian kepada liga bola sepak tempatan yang sedang berlangsung.

Tetapi keadaan ini, mungkin tidak dirasai oleh negeri-negeri seperti Terengganu dan Kelantan. Terengganu terutamanya yang mencatat sejarah menjulang Piala Malaysia pada tahun 2001, tetapi sekarang menghadapi suasana yang agak suram. Seperti negeri-negeri lain, mereka juga masih mengharapkan lagi simpati dan bantuan seperti yang diluahkan Presiden Datuk Che Mat Jusoh untuk memperkukuhkan kedudukan kewangan mereka.

Begitu jugalah dengan Kelantan yang pernah suatu ketika melahirkan ramai bintang seperti Dali Omar dan Hashim Mustapha. Tetapi, mereka juga menghadapi kesulitan akibat senario politik dewasa ini.

Di sini, Menteri Belia dan Sukan Datuk Hishammuddin Hussein sudah pasti menjadi orang penting untuk membantu mengatasi kemelut ini. Kedudukan dua negeri di Pantai Timur ini, sering kali dibangkitkan oleh ahli-ahli parlimen ketika mereka berhujah di dalam persidangan.

Sokongan moral Datuk Seri Tajol Rosli yang tidak boleh dinafikan ialah pada ketika beliau sendiri sanggup turun ke padang bagi memberi kata-kata semangat kepada pemain sewaktu saat-saat genting seperti perlawanan akhir Piala Malaysia 2000. Pada ketika itu juga kemenangan Perak menjadi sejarah peribadi beliau kerana baru dilantik Menteri Besar.

Yang paling dihargai dan tidak dapat saya lupa jasa baik Menteri Besar Perak itu ialah semasa beliau membantu menjenguk pemain ketika Perak mengalahkan Selangor untuk melangkah ke perlawanan akhir Piala Malaysia, yang kebetulan pada masa itu saya sedang mengerjakan umrah di Makkah.

Sekembalinya saya, beliau sendiri mengarahkan Majlis Sukan Negeri Perak untuk membantu mengatur persiapan penyokong Perak bagi menghadapi perlawanan akhir yang diadakan di Stadium Shah Alam.

Kemudian pasukan Perak diarak ke beberapa daerah dan beliau sendiri turut hadir bersama isteri serta majlis sambutan kebesaran anjuran kerajaan negeri di Stadium Perak di Ipoh beberapa hari selepas itu.

Begitupun, segala sokongan dan apa juga bentuk bantuan tidak akan menjadi realiti jika pemain sendiri asyik menuntut gaji yang tinggi sedangkan pulangnya tidak setimpal.

Seperti nasihat Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada seluruh 900,000 kakitangan awam, negara boleh jatuh miskin dan kos sara hidup meningkat sambil meminta mereka juga memikirkan kepuasan bekerja dan sumbangan kepada pembangunan negara.

Jika nasihat yang sama diterjemahkan kepada pemain-pemain bola sepak, bermakna kekuatan kewangan sesebuah pasukan itu juga bergantung kepada prestasi pemain jika tidak stadium akan tinggal kosong dan akhirnya mereka juga yang akan menanggung rugi.

Tetapi, seperti kata Datuk Seri Dr Mahathir jika kakitangan awam berjaya menjadikan Malaysia sebuah negara dihormati dan diiktiraf di seluruh dunia, ini akan menghasilkan pendapatan lebih baik kepada mereka. Begitu jugalah kepada pemain. Jika mereka lebih mementingkan pasukan, akhirnya pulangan yang akan mereka terima juga menguntungkan.

Jika mereka bekerja keras dan berdedikasi dan pasukan sentiasa menang, sudah tentu segala imbuhan yang mereka impikan akan tetap menunggu di depan pintu. Tetapi jika apa yang berlaku sebaliknya, mereka pula yang akan ditunjukkan jalan keluar.

Justeru hanya dengan kualiti permainan dan disiplin pemain akan membantu ke arah menjana bola sepak kita yang lebih hebat dan cemerlang, di samping sokongan padu semua pihak dalam memberikan sokongan kepada setiap pasukan yang mereka cintai.

Dalam hubungan ini, marilah kita sama-sama memberikan sokongan kepada Liga Super yang diperkenalkan Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM).